

# Utara cuba kaut untung

RIO DE JANEIRO, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan sikap negara-negara Utara yang cuba mencari keuntungan daripada kemajuan teknologi dengan menggunakan faktor alam sekitar.

Perdana Menteri berkata, pada masa ini mereka sudah menganggarkan berapa banyak keuntungan yang boleh diperolehi atas nama alam sekitar.

Bercakap kepada pemberita sebelum pulang ke Kuala Lumpur di sini hari ini, Dr Mahathir berkata, negara Utara sudah merangka untuk mencipta alat-alat baru yang berkaitan dengan teknologi yang boleh berfungsi

menggunakan perantara.

Katanya, dengan cara ini negara Utara bukan saja mendapat untung menjual alat ini dengan harga yang mahal, tetapi juga di segi royalti.

Sebagai contoh, katanya kereta yang ada pada masa ini perlu mempunyai 'catalytic converter' yang dicipta oleh mereka bagi mengurangkan pencemaran.

Dr Mahathir berkata, adalah sukar bagi negara-negara membangun seperti Malaysia menggunakan alat dan teknologi baru seperti ini disebabkan harganya yang mahal.

"Tetapi kita terpaksa juga menggunakannya bagi membuktikan betapa

pentingnya soal pembuangan karbon dioksida dan gas," katanya.

Sudah tentu, katanya, alat itu terpaksa dibeli dari negara Utara. Jika hendak membuatnya di dalam negara bermakna Malaysia terpaksa membayar royalti kepada mereka.

"Jadi negara Utara akan membuat untung dengan menggunakan faktor alam sekitar," katanya.

Dr Mahathir berkata, kemampuan negara untuk mencipta teknologi baru adalah terhad. Oleh itu kesempatan itu digunakan oleh negara Utara untuk membuat untung.

Dalam persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam sekitar

dan Pembangunan (Un-  
ced) semalam, Dr Mahathir membangkitkan sikap negara Utara yang menggunakan kekayaan di Selatan tanpa mahu membayar perkhidmatan yang diberikan, sebaliknya tidak mahu bertanggungjawab terhadap pencemaran yang dicipta di negara mereka.

Dr Mahathir menjelaskan, di Malaysia segala usaha dilakukan untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar dengan menguatkuasakan undang-undang tertentu.

"Industri yang menjadi punca pencemaran ditetapkan supaya memenuhi

**LIHAT MUKA 2**

# Semua pihak wajar anggotai tabung GEF

11 (16 JUN 1992)

DARI MUKA 1

niawaian tertentu." katanya.

Begitu juga dengan prinsip perhutanan yang diperjuangkan oleh Malaysia dan negara membangun lain, yang mana Malaysia akan mematuhi prinsip yang terkandung di dalamnya.

Mengenai Kemudahan Alam Sekitar (GEF), Dr Mahathir berkata negara Utara sudah bersetuju supaya negara Selatan mempunyai suara dalam pengurusan kemudahan itu.

Berikutan itu, katanya, Malaysia akan menjadi anggota tabung GEF.

"Meskipun saya masih belum mendapat keizinan Kabinet, sudah tentu kita akan memberi sumbangan," katanya.

Malah, katanya, Malaysia berpendapat setiap pihak perlu menjadi ahli tabung itu walaupun terpaksa membayar yuran AS\$4 juta untuk menjadi ahli.

Mengenai keengganan beberapa negara memenuhi matlamat 0.7 peratus Keluaran Negara Kasar (GNP) menerusi Bantuan Pembangunan Luar (ODA), Dr Mahathir berkata negara Utara mendakwa negara-negara Selatan menyalahgunakan wang yang diberikan kepada mereka.

"Itulah sebabnya mereka enggan memenuhi matlamat itu. Dengan perkataan lain mereka menyalahkan negara Selatan

atas keengganan memenuhi jumlah yang sudah pun dipersetujui.

"Kita tidak mendapat bantuan daripada mereka. Kita hanya meminjam. Jadi, sebagaimana negara-negara Selatan lain, saya kecewa dengan sikap mereka," katanya.

Mengenai hasil keseluruhan persidangan UnCED, Dr Mahathir berkata sejak awal Malaysia tidak mengharapkan sesuatu pencapaian yang luar biasa.

Cuma, katanya, persidangan ini dianggap berjaya kerana dapat mengumpulkan ramai pemimpin dunia untuk berbincang mengenai soal alam sekitar dan pembangunan sedangkan ketika di Stockholm 20 tahun lalu, ramai ketua kerajaan tidak tahu pun mengenai persidangan itu.

Dalam konteks Malaysia, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati kerana berjaya melaksanakan tanggungjawab dalam merangka teks dan resolusi persidangan.

Mengenai keengganan Malaysia menandatangani Konvensyen Perubahan Iklim sedangkan sebahagian negara jiran berbuat demikian, Dr Mahathir berkata:

"Program kita lebih tegas demi mempertahankan kepanasan dunia akibat pembuangan pelbagai gas yang mencemarkan alam sekitar," katanya.